

Keputusan kekal kuota lega

* BH 10 AUG 2001

KUALA LUMPUR, Khamis Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Pelaksanaan secara berperingkat dasar meritokrasi serta pengendalian kuota kemasukan pelajar Melayu ke institut pengajian tinggi awam (IPTA), melegakan banyak pihak.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semantanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad, berkata pelaksanaan secara berperingkat itu boleh membantu mengurangkan tekanan pelajar terutama yang akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil

Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

"Mereka boleh bersedia mulai sekarang untuk belajar secara sistematik. Jika ia dilaksanakan secara drastik, saya bimbang pelajar bumiputera tidak mampu bersaing sekali-gus akan gagal dalam akademik.

"Lagipun tahap pendidikan pelajar di luar bandar dan bandar jauh berbeza. Keadaan ini sudah tentu menyusahkan pelajar berkenaan untuk mendapatkan keputusan cemerlang serta menempatkan diri ke IPTA," kata-

nya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, berhubung dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA yang dilaksanakan secara berperingkat tanpa menjejaskan sistem kuota yang ada sekarang.

Perdana Menteri berkata, ia akan dibuat mengikut jurusan dan keperluan seawal-awalnya tahun depan, supaya pelajar Melayu memberi tumpuan

kepada pelajaran dan mencapai kelulusan cemerlang.

Dr Mahathir berkata, walaupun sistem kuota dikekalkan, mereka perlu mencapai tahap kelulusan lebih tinggi untuk layak.

Syed Anuar berkata, tindakan kerajaan melaksanakan dasar itu bukan bertujuan menganiaya pelajar Melayu, sebaliknya adalah satu cabaran kepada mereka untuk berjaya dalam akademik.

"Ini bukan penganiayaan... tetapi pelajar harus mengangap itu ada-

kan banyak pihak

lah motivasi serta galakan daripada kerajaan untuk mereka terus cemerlang.

"Kita tidak mahu ada yang beranggapan pelajar Melayu berjaya ke IPTA dengan ihsan sistem kuota, bukannya berdasarkan pencapaian akademik mereka," katanya.

Justeru, katanya, GPMS akan menemui pelajar di seluruh negara bagi menerangkan dasar meritokrasi kepada mereka selain mengaktifkan semula kelas bimbingan untuk membantu pelajar terutama yang akan menghad-

api peperiksaan.

"Kita akan menekankan kepada mata pelajaran kritikal seperti matematik, sains dan bahasa Inggeris," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Majlis Belia Malaysia (MBM), Mohd Po'ad Jelani, berkata pelaksanaan dasar meritokrasi akan memberi satu dorongan pelajar Melayu terus berusaha serta bersaing dengan pelajar lain.

"Kita tidak mahu pelajar terlalu terikat dengan sistem kuota dan mahu mereka buktikan kejayaan

ke IPTA adalah dengan kekuatan sendiri, bukannya bergantung kepada sistem berkenaan," katanya.

Beliau berkata, tiada guna kerajaan menghantar ramai pelajar Melayu ke IPTA, sedangkan apabila tamat pengajian mereka tidak mempunyai kualiti yang diharapkan negara.

"Inilah cabaran untuk semua pelajar...kita tahu ia begitu berat untuk mereka lalui tetapi MBM yakin, mereka mampu menyahut cabaran itu," katanya.